

# MALAYSIA PERLU LATIH TENAGA KERJA — MAHATHIR

UM - 7 JAN 1984

**K**UALA LUMPUR 6 Jan. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menegaskan bahawa Malaysia perlu meiatih dan membangunkan tenaga kerjanya sebagai keutamaan untuk menghadapi peralihan tumpuan hal ehwal dunia dari Barat ke rantau ini.

Perdana Menteri berkata, negara ini perlu melepaskan diri daripada terlalu menumpu kepada pengajian kemanusiaan untuk mencemburkan diri dalam dunia sains dan teknologi.

"Untuk mengabaikan perkembangan ini akan bermakna kita akan mengalami kerugian," tambahnya semasa bercuap di majlis makan malam tahunan dan fellowship Institut Pengarah-Pengarah Malaysia (IPM) di Hotel Equatorial di sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah dipilih untuk menerima fellowship kehormatan institut ini kerana perkhidmatannya yang cemerlang kepada negara.

Dalam ucapannya Perdana Menteri juga menggesa semua pihak dalam negara supaya mengurangkan kritikan terhadap negara-negara lain yang tidak rela memindahkan teknologi kepada Malaysia.

"Sebaliknya kita harus menumpukan perhatian kepada beberapa bidang dan kemudian berusaha dalam bidang-bidang itu," kata beliau lagi.

Menurutnya, Malaysia mengamalkan dasar perindustrian yang pragmatik sejak kemerdekaan dahulu, dan telah mengadakan usaha sama sehingga mengha-

silkan pelaburan di negara ini.

"Ramai pelabur asing yang telah membawa sistem dan teknologi mereka ke negara ini, tetapi ini tidak menghasilkan pertumbuhan perusahaan - perusahaan milik tempatan. Ini mungkin berpunca daripada pelabur asing yang enggan memindahkan teknologi mereka.

"Tetapi sebaliknya kita perlu mengakui bahawa beberapa buah negara perusahaan baru dapat memperoleh dan menggunakan teknologi itu sendiri. Kita terpaksa bertanya kenapa rakyat Malaysia tidak memperoleh teknologi seperti mereka?" katanya.

Beliau juga mahu rakyat Malaysia bertanya diri sendiri sama ada mereka telah dipilih kasih atau kerana pendekatan mereka telah salah.

"Sekiranya pelabur-pelabur asing yang tidak begitu biasa dengan undang-undang dan birokrasi kita dapat menggunakan tenaga buruh tempatan untuk membina bangunan dengan cepat dan baik, adakah ini kerana mereka mempunyai rahsia teknologi atau kerana kita menganggap diri kita lebih baik dan dengan tidak perlu belajar daripada orang lain?"

"Inilah soalan-soalan yang perlu kita tanya diri sendiri. Kita bukannya tidak mempunyai teknologi langsung. Kita mempunyai teknologi yang tinggi dalam bidang penanaman getah, kelapa sawit dan koko. Sejauh mana kita berminat untuk memindahkan teknologi itu kepada orang lain?" katanya lagi.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa sesuatu pihak perlu membayar untuk mendapatkan sesuatu (teknologi), tetapi yang lebih penting ialah perlunya kesediaan untuk belajar, suka bertanya dan dedikated.

Beliau juga berkata bahawa yang penting bukanlah seikat mendapat teknologi sahaja tetapi yang sama penting ialah pengetahuan

dan jalan untuk mengembangkan teknologi itu.

"Biarlah kita mengurangkan kritikan terhadap pihak-pihak yang tidak rela memindahkan teknologi kepada kita. Sebaliknya, kita harus menumpukan perhatian kepada beberapa bidang dan berusaha dalam bidang-bidang itu," tambah beliau.

Menyentuh dialog di antara sektor awam dengan sektor swasta, Perdana Menteri berkata perbincangan seperti itu dapat memperkukuh keyakinan dan kepercayaan di antara satu dengan lain dan menghapuskan khabar angin, syak wasangka.

Dialog itu akan memperkukuh lagi hubungan dua sektor itu, tegas beliau. Beliau berkata juga ba-

hawa tidak ada masalah yang tidak dapat diatasi sekiranya ada hasrat untuk mencapai kompromi tanpa mengorbankan prinsip-prinsip yang terlibat.

Perdana Menteri kemudian menegaskan bahawa segala pujian yang diberikan kepada beliau dalam majlis itu adalah terlalu banyak.

Beliau berkata segala pencapaian yang bertujuan untuk kepentingan negara dapat diproleh kerana usaha semua pihak dan sokongan serta kerjasama daripada rakyat.

"Rakyat adalah kekuatan kerajaan. Dengan adanya sokongan yang berterusan daripada rakyat, insya-Allah, kita akan menjadikan Malaysia negara yang lebih stabil dan makmur," tambahnya.